

# Al-Sultan Abdullah, Tunku Azizah zahir ucapan selamat Tahun Baharu Cina

28 Januari 2025 10:48pm Masa membaca: 1 minit



Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah menzahirkan ucapan selamat menyambut Tahun Baharu Cina kepada masyarakat Tionghua. Foto Facebook Kesultanan Pahang

KUANTAN - Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, menzahirkan ucapan selamat menyambut Tahun Baharu Cina kepada masyarakat Tionghua di Pahang dan seluruh negara secara amnya.

Baginda berdua turut menzahirkan harapan agar sikap saling hormat-menghormati serta nikmat perpaduan dan keharmonian berbilang kaum di negara ini dapat terus dikekalkan.

"Baginda berdua juga berharap agar perayaan Tahun Baharu Cina tahun ini iaitu Tahun Ular 2025 membawa kebahagiaan kepada mereka yang menyambutnya terutamanya bersama keluarga tersayang. Gong Xi Fa Cai," menurut hantaran di Facebook Kesultanan Pahang malam Selasa.

Sementara itu, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail turut mengucapkan selamat Tahun Baharu Cina dan berkata, kerajaan negeri sentiasa komited untuk memastikan kebajikan semua rakyat akan terus dibela tanpa mengira kaum atau agama demi kesejahteraan bersama.

"Di Pahang, perpaduan dan keharmonian antara pelbagai kaum menjadi asas kepada keamanan dan kemakmuran yang kita nikmati hingga hari ini.

"Saya percaya, dengan semangat saling memahami dan menghormati, kita mampu menghadapi segala cabaran dan terus maju sebagai sebuah negeri yang bersatu padu," katanya menerusi hantaran di laman Facebook. - Bernama